

**P.U. (A) 309.**

**AKTA LEMBAGA GETAH MALAYSIA (PERBADANAN) 1996,**

**PERINTAH LEMBAGA GETAH MALAYSIA (SES) 1999**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 37 Akta Lembaga Getah Malaysia (Perbadanan) 1996 (*Akta 551*), Menteri setelah berunding dengan Menteri Kewangan membuat perintah yang berikut:

**Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Lembaga Getah Malaysia (Ses) 1999**.
- (2) Perintah ini hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 1999.
- (3) Perintah ini hendaklah terpakai hanya bagi Semenanjung Malaysia.

**Pengenaan ses**

2. (1) Ses mengikut kadar yang dinyatakan dalam ruang (4) Jadual hendaklah dikenakan atas keluaran getah yang dinyatakan dalam ruang (2) dan (3) Jadual (sama ada dibuat keseluruhannya atau sebahagiannya daripada getah) yang di dan yang dieksport dari Semenanjung Malaysia.
- (2) Subperenggan (1) tidak terpakai bagi keluaran getah yang diimport yang dieksport semula.

**Penjenisan keluaran getah**

3. Penjenisan keluaran getah yang dinyatakan dalam Jadual hendaklah mematuhi Rukun-Rukun Tafsiran dalam Perintah Duti Kastam 1996 [*P.U. (A) 15/96*].

**Tempat pemungutan**

4. (1) Ses yang dikenakan di bawah perenggan 2 hendaklah dipungut di tempat eksport oleh pihak berkuasa yang berkenaan.
- (2) Bagi maksud subperenggan (1), "tempat eksport" ertinya tempat eksport yang ditentukan di bawah Akta Kastam 1967 [Akta 235] dan Peraturan-Peraturan Kastam 1977 [*P.U (A) 162/77*].

JADUAL

[ Perenggan 2].

SES ATAS KELUARAN GETAH

(1) No.	(2) Nombor Kod Sistem Yang Diharmonikan	(3) Perihalhan Keluaran Getah	(4) Kadar ses (% daripada nilai eksport)
1.	40.07	Tali dan benang getah yang divulnkankan	0.2%
2.	40.08	Plat, kepingan, jalur, batang dan bentuk profil, daripada getah yang divulnkankan selain getah keras	0.2%
3.	40.09	Tiub, paip dan hos, daripada getah tervulkan selain getah keras, sama ada dengan atau tanpa kelengkapannya. (misalnya, penyambung, sesiku, bibir)	0.2%
4.	40.10	Tali sawat pengangkut atau tali sawat penghantar, daripada getah tervulkan	0.2%
5.	40.11	Tayar pneumatik baru, daripada getah	Tiada
6.	40.12	Tayar celup atau tayar pneumatik terpakai daripada getah; tayar pepejal atau tayar kusyen, bunga tayar dan kelepak tayar yang boleh ditukar, daripada getah	Tiada
7.	40.13	Tiub dalam, dibuat daripada getah	Tiada
8.	40.14	Barang-barang kesihatan atau farmaseutikal (termasuk puting susu), daripada getah tervulkan selain getah keras, dengan atau tanpa kelengkapan daripada getah keras	0.2%
9.	40.15	Barang pakaian dan aksesori (termasuk sarung tangan), untuk segala keperluan, daripada getah tervulkan selain getah keras	0.2%
10.	40.16	Barangan lain daripada getah tervulkan selain getah keras	0.2%
11.	40.17	Getah keras (misalnya, ebonit) dalam semua bentuk, termasuk sisa dan sekerap; barang-barang getah keras	0.2%
12.	5604.10 000	Benang dan kord getah, diselaputi tekstil	0.2%
13.	5604.90 200	Benang telkstil diserapi getah	0.2%
14.	59.06	Fabrik tekstil bergetah, selain daripada yang di bawah kepala No. 59.02	0.2%
15.	64.01	Alas kaki kalis air dengan tapak luar dan bahagian atasnya daripada getah, bahagian atasnya tidak dipasang secara tetap pada tapak atau tidak dipasang dengan dijahit, dicantum, dipaku, diskru, ditusuk atau proses serupa	Tiada

16.	64.02	Alas kaki lain dengan tapak luar dan bahagian atasnya daripada getah	Tiada
17.	6403.12	But ski, alas kaki ski untuk rentas desa dan but papan luncur salji daripada, getah	Tiada
18.	6403.19	Lain-lain alas kaki untuk sukan, daripada getah	Tiada
19.	6404.11	Alas kaki untuk sukan, kasut tenis, kasut bola keranjang, kasut senam, kasut latihan dan yang seumpamanya, daripada getah	Tiada
20.	6404.19	Lain-lain alas kaki dengan tapak luar, daripada getah	Tiada
21.	6406.10 400	Bahagian-bahagian atas dan bahagian- bahagian daripadanya, selain penenang, daripada getah	Tiada
22.	6406.20 110	Tapak luar, daripada getah	Tiada
23.	6406.20 120	Tumit, daripada getah	Tiada
24.	6406.99 911	Tapak penuh, daripada getah	Tiada
24.	6406.99 912	Tapak tengah atau dalam, daripada getah	Tiada
26.	6406.99 919	Lain-lain gaiter, sarung balut kaki dan barang-barang seumpamanya dan bahagian daripadanya, daripada getah	Tiada
27.	6506.91 100	penutup kepala renang, daripada getah	0.2%
28.	6506.91 900	Lain-lain penutup kepala, sama ada dilapik atau dirapikan tepinya atau tidak, daripada getah	0.2%
29.	8544.20 100	Kabel sepaksi dan konduktor sepaksi lain, berpenebat getah asli atau getah tiruan	0.2%
30.	8544.30 100	Set pendawaian pencucuh dan set pendawaian lain daripada jenis yang digunakan di dalam kenderaan, pesawat udara atau kapal. berpenebat getah asli atau getah tiruan	0.2%
31.	8544.41 210	Dawai pemindahan kuasa, kabel, batang, jalur dan seumpamanya, berpenebat getah asli atau getah tiruan	0.2%
32.	8544.49 210	Lain-lain dawai pemindahan kuasa, kabel, batang, jalur dan seumpamanya, berpenebat getah asli atau getah tiruan	0.2%
33.	8544.49 910	Lain-lain kabel telefon dan kabel telegraf ( termasuk geganti radio), berpenebat getah asli atau getah tiruan	0.2%
34.	9004.90 100	Gogal daripada getah	
35.	9404.10 000	Lapik tilam, daripada getah	0.2%
36.	9404.21 000	Tilam, daripada getah berongga-rongga yang sama ada disarung atau tidak	0.2%
37.	9404.90	Lain-lain lapik tilam, barang keperluan tempat tidur dan barang keperluan yang seumpamanya (misalnya tilam, kulit, selimut bulu <i>ider</i> , kusyen, kusyen tempat duduk dan bantal ) yang dipasang dengan spring atau isi atau bahagian dalamnya terdiri daripada sebarang bahan atau daripada selulosa getah berongga-rongga, yang sama ada disarung atau tidak	0.2%
38.	9503.90 110	Belon, daripada getah	0.2%

39.	9503.90 190	Lain-lain barang mainan, daripada getah	0.2%
40.	9506.32	Bola-bola golf, daripada getah	0.2%
41.	9506.61	Bola-bola tenis, daripada getah	0.2%
42.	9506.62	Bola-bola boleh dipam, daripada getah	0.2%
43.	9506.69	Lain-lain bola, selain daripada bola golf dan bola tenis, daripada getah	0.2%

Dibuat 16 Julai 1999;

[ KPU (S) 0.2/9/113 Klt. 4; PN(PU<sup>2</sup>)560/11]

DATO' SERI DR. LIM KENG YAIK  
Menteri Perusahaan Utama